

05 OCT 1998

Mahathir-Ekonomi

EKONOMI M'SIA AKAN BERTAMBAH BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan beliau bahawa ekonomi Malaysia akan pulih dan terus bertambah baik memandangkan asas-asas yang kukuh.

Beliau berkata, dasar-dasar penstabilan dan infrastruktur mengawal selia telah diadakan supaya ekonomi negara tidak menerima kesan daripada aktiviti pedagang mata wang dan penyerbu pasaran saham yang menyebabkan ketidakstabilan.

"Hari ini ekonomi kita paling stabil di Asia dengan pedagang dan pelabur boleh menjalankan perniagaan dengan kepastian yang lebih lagi," kata beliau dalam ucapannya di Persidangan Gedung-gedung Membeli Belah Jepun, yang diadakan di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sejak kawalan pertukaran diperkenalkan pada 1 Sept 1998 urusan perniagaan telah meningkat dengan ketara.

Beliau berkata, kadar faedah yang rendah dan syarat-syarat sewa beli telah merangsangkan perniagaan runcit sementara aktiviti perniagaan lain juga telah meningkat.

Menurut beliau lagi, kos wang yang lebih murah akan mengembalikan kuasa membeli orang ramai dan ini seterusnya akan membantu memulihkan perniagaan runcit.

"Anda mungkin telah melihat walaupun kerajaan kini mengawal sepenuhnya kadar pertukaran, kita tidak memperkukuhkan sangat nilai ringgit."

"Pada asalnya nilai pertukaran ialah pada paras RM2.50 bagi setiap dolar Amerika, tetapi kini ia telah ditetapkan pada paras RM3.80 bagi setiap dolar Amerika," katanya.

Dr Mahathir berkata, ini kerana Malaysia perlu mengekalkan daya saingnya berbanding negara-negara jiran yang mana nilai mata wang mereka juga telah menyusut.

"Kita percaya pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika, kita boleh terus bersaing dengan jiran-jiran kita walaupun nilai mata wang mereka menyusut lagi atau dinilai semula.

"Kita tidak akan mengubah kadar pertukaran sehingga kadar pertukaran mata wang yang bersaing begitu besar jurangnya sehingga menjejaskan teruk daya saing kita."

"Jadi anda diberi jaminan yang anggaran belanjawan anda dan penetapan harga dalam Ringgit Malaysia tidak akan terjejas dengan turun naik mendadak kadar pertukaran Ringgit terhadap mata wang lain," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus menggalakkan aliran masuk modal tetapi kata beliau: "Kita perlu membezakannya antara pelaburan asing jangka pendek dalam pasaran saham dan pelaburan dalam sektor produktif seperti perkilangan."

Pelaburan pasaran saham terutamanya bagi keuntungan modal tidak dikenai cukai dan ia boleh memusnahkan ekonomi dengan mudah apabila mereka membawa keluar wang dan keuntungan mereka, kata Dr Mahathir.

"Inilah yang menyebabkan kemelut kewangan sekarang ini. Lebih kurang RM600 bilion ataupun AS\$150 bilion dalam modal pasaran hilang," kata beliau lagi.

Bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata ini pengurangan ketara dalam kekayaan dan ekonominya dan kita "tidak memerlukan keuntungan yang meragu-ragukan daripada pelaburan terus asing dalam pasaran saham."

Pada masa yang sama, Malaysia menyambut baik modal terus asing dalam perkilangan kerana ia akan membantu program perindustrian negara.

"Bagaimanapun, kita kini kekurangan pekerja dan lebih berminat dengan industri berintensifkan modal dan teknologi. Kita memberi jaminan kepada pelabur asing yang mereka akan mendapat manfaat yang besar dengan melabur di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia sentiasa menyambut baik pelaburan asing khasnya pelaburan jangka panjang yang akan menguntungkan pelabur asing dan tempatan.

Dasar menggalakkan pelaburan asing dapat dilihat dengan jelas daripada minat yang ditunjukkan oleh pelabur asing terhadap Malaysia, katanya lagi.

Pada 1997, 759 projek dengan jumlah modal pelaburan sebanyak AS\$7.4 bilion telah diluluskan dengan 44 peratus ataupun AS\$3.3 bilion (RM11.5 bilion), datang terutamanya dari Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Taiwan dan Singapura.

Daripada permohonan yang diterima, Dr Mahathir berkata 462 ataupun 61 peratus merupakan projek baru sementara 297 adalah daripada pelabur yang sedia ada yang mahu mengembangkan dan mempelbagaikan operasi mereka di Malaysia.

Sementara itu, perdagangan Malaysia dengan Jepun pada 1997 berjumlah AS\$27.25 bilion, iaitu peningkatan dua peratus berbanding 1996 dengan perdagangan pada tujuh bulan pertama ini mencatatkan angka AS\$11.49 bilion.

"Eksport Malaysia ke Jepun pada 1997 berjumlah AS\$9.93 bilion, iaitu peningkatan 5.4 peratus berbanding 1996, sementara import berjumlah AS\$17.33 bilion, iaitu peningkatan 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Bagi tujuh bulan pertama tahun ini, eksport ke Jepun berjumlah AS\$4.64 bilion sementara import pula berjumlah AS\$6.84 bilion dengan perdagangan masih memihak kepada Jepun," katanya.

Beliau juga berkata, jumlah dagangan Malaysia dengan Jepun pada 1997 merupakan 7.2 peratus daripada perdagangan dunia Malaysia yang berjumlah AS\$158 bilion ataupun RM442.39 bilion, menjadikan Jepun, rakan perdagangan kedua terbesar bagi Malaysia selepas Amerika Syarikat.

Pada 1997, sektor borong, perdagangan, hotel dan restoren mewakili 12.3 peratus daripada Keluaran Kasar Dalam Negera Malaysia (GDP), iaitu sedikit pengurangan berbanding 12.4 peratus yang dicatatkan setahun sebelumnya.

Menurut beliau lagi pertumbuhan sektor kecil itu dalam lingkungan 7.5 peratus pada 1997 berbanding 9.3 peratus pada 1996.

Dr Mahathir juga berkata, pada separuh pertama 1998, sektor kecil ini menguncup 1.5 peratus berbanding tujuh peratus yang dicatatkan pada separuh kedua 1997.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sektor kecil jualan borong dan runcit masih dapat mengekalkan penguasaannya dalam sektor perkhidmatan dengan pada hujung 1997, mewakili bahagian terbesar iaitu 12.3 peratus daripada GDP.

"Saya yakin dalam jangka panjang, sektor kecil ini akan terus berkembang," kata beliau lagi.

Menyentuh mengenai Persatuan Gedung Membeli Belah Jepun (JDSPA), Perdana Menteri berkata, jumlah pelaburan yang dikendalikan oleh persatuan itu pada 1997, di seluruh dunia ialah AS\$37 juta dengan 24 peratus ataupun AS\$9 juta dilabur di Malaysia.

"Ini sesuatu yang mengagumkan memandangkan jumlah itu adalah bagi empat gedung membeli belah Jepun di Malaysia sedangkan terdapat lebih 85 gedung yang diwakili persatuan itu di seluruh dunia."

"Malaysia berbesar hati kerana beberapa gedung membeli belah Jepun beroperasi di sini antaranya Jaya Jusco, Isetan, Sogo dan juga kedai-kedai khusus seperti Kinokuniya, Maruzen, Nihon Bashi dan Mori-Toys yang mengadakan usaha sama dengan kita," katanya.

Turut hadir dalam persidangan itu ialah Pengerusi Dewan Perdagangan, Perniagaan dan Industri Jepun (JACTIM), Tan Sri K. Suzuki yang juga

presiden Isetan Company Ltd Kazumasa Koshiba dan Duta Jepun ke Malaysia  
Issei Nomura.

-- BERNAMA

AA DVS PR